

LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 2006



SAINS

Satu jam lima belas minit



JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini adalah dalam dwibahasa.*
2. *Soalan di halaman kiri adalah dalam bahasa Melayu. Soalan di halaman kanan adalah yang sepadan dalam bahasa Inggeris.*
3. *Calon dikehendaki membaca maklumat di halaman 2 atau halaman 3.*

Kertas soalan ini mengandungi 47 halaman bercetak di Bahagian A
dan 19 halaman bercetak di Bahagian B

[Lihat sebelah
SULIT

Bahagian A

[30 markah]









Jawab semua soalan.

- 1 Maklumat berikut menunjukkan cara haiwan jenis P dan jenis Q melindungi diri daripada musuh.

P : Hidup berkumpulan

Q : Menyamar

Antara yang berikut, yang manakah mewakili P dan Q?

	P	Q
A		
B		
C		
D		


2 Maklumat berikut menunjukkan ciri sejenis tumbuhan.

- * Batang tebal dan boleh menyimpan air
- * Akar yang sangat panjang
- * Daun bersaiz kecil

Berdasarkan ciri di atas, di manakah tempat yang paling sesuai untuk tumbuhan ini hidup?

- A Paya
- B Tasik
- C Gurun
- D Tebing sungai

3 Rajah 1 menunjukkan tumbuhan kecil dalam botol bertutup.




RAJAH 1

Apakah yang akan berlaku jika seekor siput dimasukkan ke dalam botol itu?

- A Siput membekalkan baja
- B Tanah dalam botol kering dengan cepat
- C Bilangan siput bertambah dengan cepat
- D Bilangan tumbuhan kecil berkurang dengan cepat

- 4 Rajah 2 menunjukkan sejenis tumbuhan yang diletakkan di dalam sebuah bilik yang kelam.



RAJAH 2

Apakah yang perlu dilakukan kepada tumbuhan itu supaya ia tumbuh tegak?


- A Beri baja
 - B Siram air
 - C Letak di tempat terbuka di luar bilik itu
 - D Alih ke tempat yang lebih jauh daripada tingkap
- 5 Maklumat berikut menyatakan tentang ciri sejenis biji benih.

Saya kecil dan ringan
Saya juga mempunyai kepak
Saya boleh tersebar jauh daripada induk
Selepas saya jatuh, saya akan bercambah

Apakah agen penyebaran bagi biji benih itu?

- A Air
- B Angin
- C Haiwan
- D Mekanisme letupan





- 6 Dalam suatu habitat tertentu, terdapat pelbagai jenis hidupan.
Carta palang dalam Rajah 3 menunjukkan bilangan tiga jenis hidupan di habitat itu.




RAJAH 3

Semua tikus dihapuskan.

Antara carta palang berikut, yang manakah kamu jangkakan boleh menunjukkan perubahan ke atas bilangan pokok padi dan helang?



- 7 Rajah 4 menunjukkan seekor ibu kucing sedang menyusukan lima ekor anaknya. Seekor daripada anaknya adalah sangat kurus berbanding dengan yang lain.



RAJAH 4

Apakah bentuk persaingan yang mungkin berlaku untuk menerangkan situasi itu?





- I Makanan
 - II Ruang
 - III Pasangan
- A I sahaja
B I dan II sahaja
C I dan III sahaja
D II dan III sahaja
- 8 Apakah maksud pemeliharaan?
- A Keadaan di mana pelbagai spesies pupus dari Bumi
 - B Perebutan untuk mendapatkan keperluan asas yang terhad
 - C Mengekalkan keadaan habitat supaya hidupan dapat hidup secara semula jadi
 - D Menjaga semula sesuatu keadaan dengan memperbaikinya ke arah keadaan asal untuk mengelakkan kepupusan

- 9 Maklumat berikut membandingkan bilangan kubus yang boleh diisi ke dalam kotak W, X, Y dan Z.


Semua kubus adalah sama saiz.

- W boleh diisi lebih banyak kubus daripada X
- Y boleh diisi lebih banyak kubus daripada W tetapi kurang daripada Z

Antara carta palang berikut, yang manakah mewakili maklumat itu?



- 10 Rajah 5 menunjukkan sebuah kubus dan sebuah silinder penyukat yang berisi 50 cm^3 air.




RAJAH 5

Berapakah bilangan kubus yang mesti dimasukkan ke dalam silinder penyukat itu supaya aras air meningkat ke 60 cm^3 ?

- A 1
- B 3
- C 4
- D 10

- 11 Rajah 6 menunjukkan suatu penyiasatan menggunakan sebuah bekas kaca yang mengandungi beberapa objek.



RAJAH 6


Sebatang magnet didekatkan kepada bekas itu.

Klip kertas dan paku tekan tertarik ke arah magnet itu.

Apakah yang dapat dibuktikan oleh penyiasatan itu?

- A Magnet hanya boleh menarik klip kertas
- B Semua logam adalah bahan magnet
- C Bahan magnet tertarik ke arah magnet
- D Tarikan magnet lebih kuat di bahagian kutub

12 Rajah 7 menunjukkan satu penyiasatan tentang konduktor arus elektrik.




RAJAH 7

Didapati mentol di dalam litar itu menyala.

Apakah cecair X?

- A Minyak masak
- B Larutan gula
- C Air suling
- D Jus limau

13 Rajah 8 menunjukkan satu penyiasatan.




RAJAH 8

Apakah yang dibuktikan oleh penyiasatan itu?

- I Cahaya bergerak dalam garis lurus
 - II Cahaya dibiaskan
 - III Cahaya tidak boleh menembusi objek legap
 - IV Cahaya dipantulkan
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 14 Apakah yang dimaksudkan dengan pembiasan cahaya?
- A Cahaya bergerak dalam semua arah
 - B Cahaya bergerak dalam garis lurus
 - C Pergerakan cahaya apabila ia bergerak daripada suatu objek ke arah mata kita
 - D Pergerakan cahaya apabila ia bergerak daripada satu medium kepada medium yang lain

- 15 Rajah 9 menunjukkan satu penyiasatan tentang daya geseran. Jadual 1 menunjukkan keputusan penyiasatan itu.



RAJAH 9


Permukaan	Jarak yang dilalui kereta mainan
Bertar	4 cm
Kertas pasir	7 cm
Cermin	10 cm

JADUAL 1

Apakah **kesimpulan** penyiasatan itu?

- A Daya geseran paling besar di atas permukaan bertar
- B Daya geseran paling besar di atas permukaan cermin
- C Semakin bertambah daya geseran kereta mainan bergerak lebih jauh
- D Daya geseran di atas permukaan kertas pasir lebih besar daripada di atas permukaan bertar


16 Rajah 10 menunjukkan seorang tukang kayu sedang menggergaji sebatang kayu.



RAJAH 10

Antara aktiviti berikut, yang manakah melibatkan **dua** daya yang digunakan oleh tukang kayu itu?

A



Menarik zip

B




Menolak troli

C




Mencabut paku

D



Mengepam tayar basikal

- 17 Antara ciri bahan berikut, yang manakah paling sesuai untuk membuat baju hujan?
- A Ringan dan kalis air
 - B Mudah dibentuk dan lembut
 - C Sukar mereput dan tahan lama
 - D Boleh dikitar semula dan diguna semula
- 18 Rajah 11 menunjukkan ciri proses X.




RAJAH 11

Apakah proses X?

- A Peleburan
- B Pendidihan
- C Penyejatan
- D Pengewapan

19 Rajah 12 menunjukkan bahan-bahan yang diklasifikasikan kepada dua kumpulan.




RAJAH 12

Antara yang berikut, yang manakah mewakili P dan Q dengan betul?

	P	Q
A	Jus limau	Kopi
B	Jus oren	Sos tomato
C	Kicap	Garam
D	Gula	Jus epal

20 Rajah 13 menunjukkan sebuah tingkap boleh laras.




RAJAH 13

Tingkap itu didapati sukar ditutup.

Apakah yang perlu dilakukan terhadap penutup tingkap itu?

- A Dicat
- B Diletak minyak
- C Dicuci dengan air
- D Digosok dengan kertas pasir

21 Rajah 14 menunjukkan sekeping roti yang telah dibiarkan selama seminggu.



RAJAH 14

Kulat telah tumbuh pada roti itu.

Apakah keadaan yang menyebabkan pertumbuhan kulat pada roti itu?

- A Panas dan kering
- B Sejuk dan kering
- C Panas dan lembap
- D Sejuk dan lembap

22 Maklumat berikut menunjukkan proses mengetin nanas.

- | | | |
|---|---|--|
| J | - | Masukkan nanas ke dalam tin dan tuangkan air gula ke dalam tin |
| K | - | Paterikan tin |
| L | - | Kupas nanas dan potong dalam bentuk kubus |
| M | - | Panaskan tin |

Pilih urutan yang betul.

- A M, J, L, K
- B K, L, M, J
- C L, J, M, K
- D M, L, K, J

23 Jadual 2 menunjukkan langkah mengitar semula bahan buangan.

P	Bahan buangan diasingkan mengikut kategori masing-masing
Q	Mesin digunakan untuk menghancurkan bahan buangan
R	Bahan buangan yang telah diasingkan, dihantar ke kilang untuk diproses
S	Bahan buangan diproses untuk mendapatkan hasil yang baru

JADUAL 2


Pilih urutan yang betul.

- A P, S, R, Q
- B P, R, Q, S
- C Q, R, S, P
- D S, P, Q, R


24 Rajah 15 menunjukkan tiga situasi yang berlainan.



W



X



Y

RAJAH 15

Situasi yang manakah menunjukkan kesan tarikan graviti?





- A W dan X sahaja
- B W dan Y sahaja
- C X dan Y sahaja
- D W, X dan Y

25 Jadual 3 menunjukkan keadaan suhu pada lapisan bumi yang berbeza.


Lapisan bumi	Keadaan suhu
K	Paling panas
L	Sejuk
M	Sangat sejuk
N	Sangat panas

JADUAL 3

Antara carta palang berikut, yang manakah mewakili Jadual 3?



26 Rajah 16 menunjukkan sebuah balang yang mengandungi jentik-jentik.






RAJAH 16

Jentik-jentik itu boleh dihapuskan dengan memasukkan

- A siput
- B anak ikan
- C pokok teratai
- D pokok kiambang

27 Pilih urutan yang betul untuk menunjukkan sejarah perkembangan teknologi dalam pertanian.



28 Maklumat berikut menunjukkan pereka cipta dalam satu bidang teknologi.


- Alexander Graham Bell
- J. L. Baird

Antara pereka cipta berikut, yang manakah juga telah memberi sumbangan dalam bidang yang sama?


- A Karl Benz
- B Eli Whitney
- C Henry Bessemer
- D Guglielmo Marconi

29 Pada kedudukan yang manakah bongkah ini paling stabil?


A




B




C



D



30 Rajah 17 menunjukkan sebuah alat.



RAJAH 17

Apakah mesin ringkas yang terdapat pada alat itu?

- A Tuas dan baji
- B Skru dan baji
- C Skru dan tuas
- D Satah condong dan tuas

BAHAGIAN A TAMAT